



**TEKS UCAPAN
YAS KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
SEMPENA
FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ANJURAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
(JBPM) DENGAN KERJASAMA SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) DAN
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

**PADA
20 Mac 2014 (Khamis)**

**MASA
12.10 tgh hari**

**TEMPAT
Dewan Utama
Kementerian Kewangan**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Salam sejahtera, salam 1Malaysia

Yang berusaha saudara/saudari pengacara majlis

YBhg. Dato'Hajah Sutinah Binti Sutan,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan),
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

YAS Dato' Hj Amer Bin Yusof,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YBrs.Tn Hj Hamilye Sham bin Harun
Pengarah Sektor Sosiobudaya (IIM)

Y.Bhg Encik Danny Cheah,
Presiden,
Malaysia Fire Protection Association (MFPA)

Penceramah-penceramah forum,

**Y.Bhg Dato'-Dato', Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan
Puan-Puan para hadirin yang saya hormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bertemu pada hari ini sempena **FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI ANJURAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) DENGAN KERJASAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) DAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

2. Syabas dan tahniah kepada Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia selaku penganjur majlis dan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia diatas sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam mendaulatkan integriti dalam Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

3. Perkhidmatan Awam sentiasa berhadapan dengan realiti semasa di mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (value add) kepada rakyat.

4. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melihat usaha memartabatkan integriti ini sebagai salah satu wadah untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan terhadap rakyat. Untuk itu Jabatan telah memperkenalkan Visi yang baru mulai November 2012 iaitu **“Ke arah Organisasi Kebombaan dan Penyelamatan Yang Berprestasi Tinggi”**.

5. Sesungguhnya, Jabatan ini amat serius dalam usaha untuk membudayakan integriti dalam setiap fungsi di segenap lapisan organisasi. Mulai 30 Oktober 2013, Jabatan telahpun menubuhkan Unit Integriti berasaskan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu berkaitan dengan ‘Penubuhan Unit

Integriti, di Kementerian dan Jabatan' dimana bertanggungjawab untuk melapor terus kepada Ketua Pengarah. Ini memungkinkan urusan boleh dilaksanakan dengan lebih cepat, lancar dan teratur.

6. Kepentingan Integriti dalam Jabatan ini adalah seperti udara, yang tidak dapat dilihat, tidak boleh dihidu apatahlagi disentuh namun ketiadaannya adalah sesuatu yang tidak mahu kita fikirkan.

Izinkan saya memetik sebahit sajak dari Antologi Puisi Mutiara Taman Adabi bertajuk Sifat-Sifat Munafik

“Janganlah kau lupa tiga sifat munafik pesanan Mustafa

*Bila berkata sentiasa dusta, yang dilafaz berbeza
dari yang nyata;*

*Bila berjanji selalu mungkir, yang dikota tidak
mahu dikota;*

*Bila diberi amanah, mulut menerima, mata
melihat ganjaran;*

*Walau disedari-nyata bahu kerdil, tiada upaya memikul
beban.*

Inilah sifat-sifat yang perlu kita hindari. Walaubagaimanapun saya yakin, kerana Warga Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia terutama yang berada di dalam dewan ini adalah penjawat awam yang berintegriti...

Hadirin yang saya hormati sekalian

7. Pihak kerajaan kini gigih membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi kerana rakyat Malaysia semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai espektasi yang kian meningkat terhadap sistem perkhidmatan awam.

Apabila berbicara tentang usaha memartabatkan integriti, Jabatan ini melihat penggunaan 2 pendekatan iaitu pendekatan mendidik dan pendekatan punitif. Menggunakan pendekatan Didik, Tunjuk, Runding (DTR) sebagai sebahagian daripada pendekatan pengurusan perubahan. Beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan

pencapaian matlamat tersebut. Pendekatan DTR dipilih bagi memastikan pencapaian matlamat berikut:

- Pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam urusan tatatertib;
- Urusan tatatertib dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan, mengikut prosedur yang ditetapkan; dan
- Peningkatan kesedaran warga Jabatan terhadap perasaan takut untuk melaksanakan pelanggaran tatakelakuan.

Hasilnya, tahun 2012 telah menyaksikan penyelesaian 235 kes manakala tahun 2013, Jabatan ini telah berjaya menyelesaikan sebanyak 88 kes melibatkan berbagai kesalahan dan pelanggaran tatatertib. Sebanyak 59 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibupejabat JBPM dimana hampir 75% atau 41 pegawai telah dibuang

kerja manakala 29 kes lagi telah kendalikan di peringkat JBPM negeri. Sehingga Januari 2014, Jabatan telah menyelesaikan 15 kes dimana 5 melibatkan hukuman buang kerja.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

8. Sebenarnya, usaha memartabatkan integriti dalam Jabatan telahpun bermula lama. Pada tahun 2011 Jabatan telah menghantar seorang pegawai kanan untuk menjadi kumpulan pertama yang telah ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Jabatan telah meneruskan tradisi dimana 2 orang lagi pegawai daripada Unit Integriti telah dihantar bagi mengikuti Program CeIO Siri 6 dan 7 yang diharapkan untuk menjadi pemangkin kepada program transformasi Jabatan ke arah Jabatan yang mengamal dan membudayakan seterusnya memartabatkan integriti sebagai budaya Jabatan.

9. Jabatan sedar usaha memartabatkan integriti perlu dilaksanakan di segenap lapisan tanpa kenal penat mahupun jemu. Usaha membentuk Jabatan yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur adalah usaha yang berterusan.

10. Untuk itu Jabatan telah memulakan beberapa pendekatan antaranya Program Pembangunan Individu Organisasi Berintegriti (PIOB), Program Pembinaan Jurulatih Berintegriti dan Forum Pemerkasaan Integriti seperti yang kita adakan pada hari ini. Selain itu, Jabatan juga telah memperkenalkan Sijil Perkhidmatan Terpuji bagi pegawai cemerlang yang tidak diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana kekangan kuota dan Anugerah Khas Pegawai Sejahtera untuk pegawai-pegawai yang tidak lewat punch kadnya dan tidak mengambil cuti sakit dalam tempoh tertentu.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

11. Integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja bermakna kita perlu menjauhkan diri dari amalan - amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Konsep integriti membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh. Integriti juga bererti sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam. Malahan, kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri.

12. Dalam hubungan ini, warga Jabatan hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta sentiasa sedar akan akibat buruk yang menimpa sekiranya kita cuai dalam menjalankan tugas masing-masing. Segala tugas dan tanggungjawab hendaklah dilaksanakandengan

bersungguh-sungguh berdasarkan lunas-lunas perundangan yang termaktub.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

13. Sesungguhnya penjawat awam adalah pemikul amanah untuk memelihara kepentingan negara dan rakyat. Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan akan dipandang negatif oleh rakyat.

Rasulullah s.a.w bersabda

“Barang siapa yang kami angkat di antara kamu memangku sesuatu jawatan, lalu disembunyikannya terhadap kami sebuah jarum atau lebih kecil dari itu, maka perbuatannya itu adalah penggelapan. Dia akan datang pada hari kiamat membawa barang yang digelapkannya itu”

Hadis Riwayat Sahih Muslim

Semoga pelancaran Forum Pemerksaan Integriti ini akan menjadi titik perubahan, pemangkin warga berintegriti, pencetus organisasi kebombaian dan penyelamat berprestasi tinggi.

14. Pada kesempatan kita pagi ini, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk membawa bersama rakan kita iaitu *Malaysia Fire Protection Association (MFPA)* untuk menandatangani IKRAR INTEGRITI KORPORAT (*Corporate Integrity Pledge*) bersama-sama dengan SPRM, dimana ikrar ini adalah merupakan ikrar badan bukan kerajaan (NGO) dengan kerajaan untuk memerangi rasuah dan untuk memperteguhkan integriti dikalangan kita semua.

16. Akhirnya saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia, Malaysia Fire Protection Association dan lain-lain agensi, serta tidak ketinggalan ucapan penghargaan dan terima

kasih juga diberikan kepada Kementerian Kewangan Malaysia yang telah memberikan kemudahan Dewan secara percuma dalam kami menjayakan forum ini.

Dengan kata-kata itu dengan lafaz *Bismillahirrohmanirrohim* saya merasmikan penutupan **FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI BAGI ZON TENGAH** bagi tahun 2014.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalaamualaikum Warahmatullahi
Wabarakaatuh.**

Terima Kasih.